

16/11/1999

Abdul Halim kehabisan jawapan henti spekulasi

GEORGETOWN, Isnin - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, hari ini berkata beliau sudah `kehabisan jawapan' untuk menghentikan spekulasi media dan desas-desus kononnya beliau akan menjadi calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ini.

"Tunggulah," katanya kepada soalan pemberita berhubung kemungkinan dirinya menjadi calon BN.

Beliau yang berasal dari Tunjang, Kedah, selanjutnya berkata bahawa pemergian beliau ke Alor Star adalah perkara yang biasa dilakukannya.

"Itu kampung saya dan saya mempunyai ramai sanak-saudara yang perlu dilawati," katanya selepas majlis penutup sambutan ulang tahun ke-30, Universiti Sains Malaysia (USM), petang ini.

Katanya, beliau tidak mahu membuat sebarang komen berhubung perkara itu kerana ia hanya akan menambah kerumitan kepada spekulasi yang sedia ada.

Sambil mengulangi kenyataan seperti yang dilaporkan dalam akhbar hari ini, bahawa beliau belum menerima sebarang surat rasmi berhubung pencalonan dirinya itu, Abdul Halim menambah:

"Mungkin ada orang yang berkata dirinya (Halim) dipilih untuk bertanding tetapi kalau saya sendiri berkata begitu nanti dikatakan menaruh harapan pula.

"Yang penting saya gembira dengan tugas yang saya laksanakan sebagai pegawai kerajaan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, bahawa jika perlu, pegawai kerajaan yang ingin bertanding dalam pilihan raya dibolehkan meletak jawatan sama ada dengan notis 24 jam atau sebulan.

"Jika buat notis 24 jam terpaksa serah gaji sebulan, kalau tidak mahu, berilah 30 hari notis baru boleh berhenti," katanya sambil menambah bahawa Perlembagaan tidak melarang kakitangan kerajaan menyertai parti politik asalkan ia tidak mempengaruhi atau membelakangkan tugasnya.

Berita berhubung pencalonan Abdul Halim mula tersebar termasuk dalam akhbar semalam yang melaporkan bahawa beliau sering ditemui menghadiri majlis rasmi di Kedah, termasuk di Kubang Pasu iaitu kawasan Parlimen yang diwakili oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam laporan awal itu, juga Abdul Halim menafikan berita yang mendakwa beliau sudah meletak jawatan untuk membolehkan dirinya bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri di Kedah.

(END)